

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
KETIKA MENCADANGKAN KEPALA BEKALAN S.16
BAGI KEMENTERIAN PERTAHANAN UNTUK TAHUN 1967
DI DEWAN RAKYAT PADA 3 FEBRUARI 1967**

Tuan Yang di-Pertua¹,

Saya pohon mencadangkan supaya Kepala Bekalan S.16 yang menunjukkan peruntukan wang sebanyak \$250,005,081 bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1967 menjadi sebahagian daripada jadual.

Peruntukan sebanyak \$250,005,081 itu adalah terdiri dari \$109,489,670 bagi gaji-gaji, \$119,572,139 bagi lain-lain perbelanjaan berulang tiap-tiap tahun dan \$20,943,272 bagi perbelanjaan khas. Jumlah peruntukan itu merupakan tambahan sebanyak \$12.3 juta iaitu 5.2% dari jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Pertahanan dalam tahun 1966.

Sebelum saya mendalami peruntukan kewangan yang dimasukkan dalam Anggaran Kementerian Pertahanan, saya berbesar hati dan amat sukacita bahawa negara kita dan Indonesia telah berbaik-baik semula setelah berenggang selama 3 tahun. Adalah menjadi harapan kita semua bahawa persahabatan kita dengan Indonesia itu akan menjadi lebih mesra lagi dan berpanjangan.

Dalam masa beberapa tahun yang telah sudah, kita telah memperhebatkan pembesaran Angkatan Tentera kita. Pasukan-pasukan baharu telah ditubuhkan. Kapal dan kapalterbang telah diperbanyakkan bilangannya. Kita telah terpaksa berbuat demikian, demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak kali menyatakan bahawa Angkatan Bersenjata kita akan diperbesarkan. Bukan sahaja diperbesarkan, tetapi perlu juga diperkemaskan lagi kerana adalah menjadi cita-cita Kerajaan bahawa kita mestilah mempunyai Angkatan Bersenjata yang kuat serba lengkap bagi mempertahankan nusa dan bangsa. Kita mestilah bersiap sedia untuk menentang sebarang ancaman dari dalam mahupun dari luar. Di Sabah, Sarawak dan di sempadan Malaysia dengan Thailand masih lagi terdapat ancaman dari komunis dan anasir-anasir jahat yang kalau tidak dimusnahkan akan menimbulkan keadaan huru hara dan kacau bilau dalam negara kita ini.

¹ Dato' C.M. Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman.

Oleh itu Tentera Laut, Tentera Udara dan terutama Tentera Darat kita hendaklah diperbesarkan lagi. Tentera Darat mempunyai tambahan anggota yang banyak sekali dalam tahun 1967. Pasukan-pasukan baharu berjalan kaki adalah ditubuhkan supaya menambahkan lagi kekuatan yang sedia ada. Selain dari itu terdapat juga pasukan-pasukan kecil yang akan ditubuhkan. Pasukan-pasukan yang telah lama ada juga diperkuatkan lagi dengan menambahkan anggotanya oleh kerana peranan yang dimainkan oleh pasukan-pasukan itu.

Berkenaan dengan Tentera Laut pula jumlah kapal yang ada dalam tahun 1966 akan ditambahkan dalam tahun ini untuk menjalankan peranan yang lebih memuaskan lagi. Oleh kerana terdapatnya tambahan kapal-kapal itu maka bermaknalah lebih banyak lagi kakitangan yang dikehendaki supaya kapal itu dapat digunakan dengan sempurna. Pasukan baharu akan ditubuhkan. Pasukan yang sedia ditubuhkan itu akan diperbesarkan lagi anggotanya.

Tentera Udara kita juga akan diperbesarkan. Kapal terbang yang ada pada masa ini akan ditambahkan lagi supaya dapat melaksanakan tugas yang lebih sempurna. Dengan penambahan kapal terbang itu seperti mengadakan satu skuadron jet pembinasas maka pasukan baharu terpaksa ditubuhkan. Pasukan yang telah lama ditubuhkan juga ditambahkan anggotanya.

Berhubung dengan Pasukan Askar Wataniah, saya telahpun memberitahu Dewan ini bahawa pasukan itu tidak akan dikurangkan anggotanya. Ini adalah disebabkan oleh perkhidmatan mereka itu masih lagi dikehendaki untuk membantu tentera biasa.

Pada masa ini kita mempunyai tiga Batalion Askar Wataniah dan kesemuanya adalah sedang berkhidmat sepenuh masa untuk mengisi tempat yang telah dikosongkan oleh tentera biasa.

Berkenaan dengan tentera-tentera tempatan, oleh sebab kekurangan wang, kita tidak akan menambah lagi bilangan tentera tempatan ini dan mereka-mereka yang sedang berkhidmat sekarang ini akan terpaksa dikurangkan masa latihan mereka untuk mengecilkan perbelanjaan. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada ahli-ahli Pasukan Tentera Tempatan yang telah dikerah berkhidmat pada masa kita menentang konfrantasi Indonesia dahulu. Sekarang mereka-mereka itu telah dibenarkan balik semua berkhidmat seperti masa aman. Begitu juga Kerajaan akan menjalankan apa juga usaha-usaha yang patut untuk hendak memberi pertolongan kepada mereka itu supaya dapat memulakan kehidupan mereka semula. Begitu juga masalah sagu hati sedang ditimbangkan. Seperti saya telah terangkan di Dewan ini bahawa saya telah menubuhkan satu Bahagian di

Kementerian Pertahanan untuk hendak menolong dan menjaga kepentingan ahli-ahli bekas pasukan keselamatan yang telah menjalankan perkhidmatan kepada negara. Mereka-mereka itu akan diberi apa juga pertolongan untuk hendak mempunyai cara hidup yang berpatutan. Begitu jugalah isteri-isteri bekas pasukan keselamatan yang telah terkorban, pihak Kerajaan sedang mengambil langkah untuk hendak menjaga kepentingan mereka itu dengan kerjasama dari Persatuan Bekas Pasukan Keselamatan dapatlah dijalankan usaha-usaha untuk menolong mereka itu dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak memberi keterangan sedikit sebanyak berkenaan dengan peruntukan kewangan yang terdapat di bawah Kepala S.16 Kementerian Pertahanan. Kebanyakan dari tambahan peruntukan ini adalah terdapat di bawah gaji-gaji. Tambahan itu sebanyak %7.1 juta disebabkan oleh perkara-perkara yang telah dan akan saya sebutkan.

Pada umumnya rangka Anggaran Pertahanan tidak mempunyai perubahan besar. Di bawah gaji-gaji terdapat lima bahagian iaitu Bahagian 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'.

Bahagian 'A' ialah untuk jawatan awam dan tentera yang telah diwujudkan selepas terbentuknya Malaysia. Di dalam bahagian ini terdapat kekurangan anggota awam sebanyak 2 orang, tetapi jumlah peruntukan yang dikehendaki telah bertambah sebanyak \$3.7 juta.

Bahagian 'B' pula ialah bagi jawatan awam dan tentera yang telah ditubuhkan dengan terbentuknya Malaysia. Kebanyakan dari tambahan anggota yang terdapat dalam tahun ini ialah di bahagian ini yang mempunyai tambahan anggota sebanyak 3,048 orang. Peruntukan kewangan adalah bertambah sebanyak \$7.6 juta.

Bahagian 'C' adalah untuk Jabatan Khidmat Negara yang pada masa ini telahpun dibubarkan. Sebagaimana ahli yang berhormat sedia maklum Khidmat Negara telah mula ditubuhkan pada tahun 1964 setelah difikirkan mustahak bagi rakyat Malaysia diberi latihan tentera. Oleh itu rakyat Malaysia yang dilahirkan antara 19 haribulan November, 1934 hingga 19 haribulan November, 1942 telah didaftar dan dipanggil untuk menjalankan latihan tentera selama 2 bulan di pusat latihan. Sehingga ini seramai lebih kurang 400,000 orang telah didaftarkan dan 9,827 telah dilatih di empat tempat latihan iaitu Port Dickson, Ipoh, Penang dan Kuala Terengganu.

Selain dari itu, seramai 24 orang doktor telah juga dipanggil untuk berkhidmat. Setelah berlatih selama 2 minggu di Pusat Latihan mereka adalah dihantar ke pasukan tentera untuk menjadi doktor pasukan itu selama 1 tahun. Panggilan doktor ini akan diteruskan oleh kerana kita tidak mempunyai cukup doktor berkhidmat dengan tentera kita. Saya mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada mereka-mereka yang terlibat dalam Khidmat Negara

ini, sama ada yang telah dilatih yang memberi latihan dan juga yang duduk di pejabat.

Dalam tahun 1967, hanya 27 orang sahaja dikehendaki di bawah Bahagian 'C' dan mereka ini ialah untuk mengendalikan rekod-rekod dan sebagainya, kerana ianya mungkin diperlui pada masa yang akan datang.

Bahagian 'D' diuntukkan bagi jawatan awam dan tentera yang dikehendaki untuk Pasukan Pertahanan Tempatan. Pasukan ini telah mula diperbesarkan pada tahun 1963. Pada masa itu terdapat sebanyak 22,000 orang dan telah meningkat menjadi 38,000 orang dalam tahun 1966 termasuklah sebanyak lebih kurang 900 orang pasukan Pertahanan wanita. Oleh kerana keadaan kewangan tidak mengizinkan maka perbelanjaan bagi Pasukan Pertahanan Tempatan ini terpaksa dikurangkan seperti:

- (a) Pasukan Latihan (Training Team) dikurangkan jumlahnya. Sungguhpun peruntukan telah dibenarkan sebanyak 276 Pasukan Pelatih pada tahun lalu tetapi hanya 165 Pasukan sahaja yang telah ditubuhkan. Dengan ini tidaklah bermakna bahawa Jurulatih yang ada pada masa ini diberhentikan perkhidmatan mereka. Pasukan Latihan yang belum ditubuhkan itu tidak akan ditubuhkan.
- (b) Seorang sukarelawan itu hanya menjalankan latihan sebanyak 60 jam sahaja setahun dan tidak 120 jam setahun seperti dahulu.
- (c) Seorang sukarelawan hanya mendapat sepasang pakaian sahaja dan gantinya akan diberi sekali dalam 3 tahun.
- (d) Mereka akan menggunakan senapang patah sahaja dengan 5 biji peluru setahun untuk latihan.
- (e) Latihan Tahunan (Annual Camp) selama 4 hari itu akan dijalankan hanya untuk 50% daripada kekuatan dalam satu-satu pasukan.

Bahagian 'E' pula ialah untuk jawatan-jawatan sukarelawan yang telah dipanggil bertugas sama ada untuk menjaga sasaran penting dari dimusnahkan oleh musuh ataupun untuk membantu askar biasa. Askar yang terlibat dalam perkara ini ialah Askar Wataniah, Pasukan Pertahanan Tempatan dan Askar Simpanan Tentera Udara. Kebanyakan dari anggota tentera biasa kita adalah terdapat di Malaysia Timur. Tempat mereka di Malaysia Barat ini adalah diisikan oleh pasukan sukarelawan ini. Dalam tahun ini jumlah sasaran penting yang masih dijagai oleh Pasukan Pertahanan Tempatan telah dikurangkan dari 300 menjadi 23 tempat sahaja. Maka itulah sebabnya terdapat kekurangan dalam bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya jelaskan sedikit berkenaan dengan peruntukan kewangan yang terdapat di bawah lain-lain

Perbelanjaan Berulang Tiap-tiap Tahun. Peruntukan yang terdapat di bawah tajuk ini bagi tahun 1967 mempunyai kekurangan sebanyak \$4.6 juta dari angka yang telah diluluskan bagi tahun 1966.

Angkatan tentera kita masih mempunyai kekurangan anggota-anggota yang terlatih. Pada tahun ini kita memerlukan wang tambahan dari tahun sudah dalam Pecahan Kepala (9), (10) dan (11) supaya dapat menghantarkan lebih banyak lagi ahli tentera kita untuk dilatih sama ada di Pusat Latihan di negara kita ini ataupun di seberang laut.

Latihan Tentera Udara khasnya mempunyai tambahan sebanyak \$1.7 juta dari 1966. Pada masa yang akan datang ini Tentera Udara kita akan mempunyai lebih banyak lagi kapal terbang seperti yang telah saya katakan tadi; dan akan memainkan peranan yang lebih penting dari masa yang telah sudah. Oleh itu anggota Tentera Udara kita mestilah dilatih bagi tugas itu.

Anggota angkatan tentera kita adalah dihantar ke luar negeri seperti Kanada, United States of America, Australia, New Zealand, India dan United Kingdom untuk melanjutkan-kursus dan pelajaran mereka setelah mendapat latihan di negara kita. Ada juga yang dihantar belajar di Universiti Malaya, Universiti Singapura dan Kolej Teknik untuk mendalami pelajaran mereka dalam ilmu perubatan, teknik seperti kejuruteraan dan sebagainya.

Pecahan Kepala (12) mempunyai tambahan peruntukan sebanyak \$1.7 juta. Tambahan ini adalah disebabkan oleh membeli dan membayar sewa alat percakapan. Juga wang itu adalah bagi perutusan yang dibuat menerusi Pejabat Pos.

Pecahan Kepala-kepala yang lain adalah mengandungi tambahan sedikit sebanyak disebabkan kita terpaksa menambah lagi bilangan tentera-tentera tetap, Tentera Darat, Udara dan Laut dan begitu juga disebabkan tentera kita telah bertambah berat tanggungan kerana tentera kita terpaksa mengambil-alih kuasa daripada tentera Komanwel di wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak.

Di bawah Perbelanjaan Khas Kementerian Pertahanan adalah memerlukan tambahan sebanyak \$9.78 juta dari angka yang telah diluluskan bagi tahun 1966. Pada keseluruhannya tambahan itu adalah berkaitan dengan pembelian barang-barang baru yang digunakan oleh angkatan bersenjata kita.

Saya telah menyatakan bahawa dengan tamatnya konfrontasi pasukan tentera kita telah mengambil-alih tugas di Malaysia Timur daripada tentera Komanwel. Mereka itu sedang menjaga keselamatan negara kita di wilayah Sabah dan Sarawak. Keadaan di Malaysia Timur adalah memerlukan tentera kita menjalankan banyak kerja-kerja seperti membuat jalan dan mendirikan khemah-khemah sementara supaya tentera-tentera kita dapat menjalankan tugas

mereka dengan lebih sempurna. Oleh yang demikian maka peruntukan sebanyak \$200 ribu dan \$500 ribu adalah dikehendaki di Pecahan Kepala (51) dan (52).

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi penjelasan sedikit sebanyak berkenaan dengan peruntukan yang telah dimasukkan dalam Anggaran Tahun 1967 bagi Kementerian Pertahanan. Kita mustahaklah mempunyai tentera yang cukup untuk mempertahankan tanahair kita dan tentera-tentera kita itu mustahak diperalatkan dengan alat-alat yang moden. Begitu juga tentera kita mustahak diberi latihan dengan sempurna supaya mereka itu sentiasa mempunyai semangat dan kecergasan yang tinggi untuk menunaikan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali menyatakan bahawa kita sangat beruntung disebabkan kita mempunyai angkatan tentera yang taat setia dan mempunyai tatatertib yang baik, keberanian dan kecergasan yang tinggi. Mereka telah menjalankan tugas mereka bagi mempertahankan negara kita dengan amat cemerlangnya. Nama baik tentera kita sentiasa harum bukan sahaja di sisi rakyat negara ini bahkan di kalangan negara-negara asing di dunia. Begitu juga dalam menjalankan tugas, ada di antara ahli-ahli tentera kita yang telah terkorban; kepada mereka kita sentiasa mengenang jasa dan pengorbanan mereka itu. Jasa-jasa dan pengorbanan mereka itu adalah dijunjung tinggi oleh rakyat Malaysia seluruhnya.

Selain dari membuat perondaan dan sebagainya dengan menggunakan alat senjata, angkatan tentera kita telah juga memberi kesempatan menolong rakyat Malaysia dalam masa kecemasan bencana alam seperti menyelamatkan nyawa dan harta benda. Ini adalah terbukti tatkala air bah berlaku di Malaysia Barat baru-baru ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini saya suka juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada askar dan Kerajaan negara Komanwel terutama sekali United Kingdom, Australia, New Zealand dan Kanada yang telah memberi pertolongan kepada kita. Di Sabah dan di Sarawak pada suatu masa dahulu telah banyak terdapat pasukan-pasukan tentera Komanwel seperti askar British, New Zealand, Gurkha dan Australia berkhidmat di samping askar kita untuk membantu mempertahankan negara kita. Selain dari askar berjalan kaki mereka juga terutama sekali tentera British telah mengadakan pasukan Tentera Udara dan Tentera Laut. Kapal terbang dan kapal laut mereka itu bukan sahaja digunakan oleh tentera mereka bahkan juga digunakan oleh tentera kita dalam menjalankan rondaan dan sebagainya. Askar-askar Komanwel itu telah juga menolong kita dengan membuat jalan, jambatan dan sebagainya di Malaysia Timur untuk kegunaan umum.

Askar-askar Komanwel yang telah berkhidmat di Malaysia Timur itu telah benar-benar menunjukkan semangat mereka dalam membantu kita. Pada masa ini mereka telahpun diundurkan dari wilayah itu. Sungguhpun begitu mereka sentiasa sanggup memberi pertolongan kepada kita. Mereka telah juga memberi pertolongan kepada rakyat Malaysia dalam menyelamatkan nyawa dan harta benda apabila terjadinya air bah baharu-baharu ini. Pihak tentera British telah menyediakan alat pengangkutan seperti kapal terbang, helikopter dan motorbot bagi penyelamatan itu. Kepada Kerajaan negara Komanwel dan askar mereka, Kerajaan Malaysia sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih.

Kepada pasukan tentera kita, saya berpesan dan berharap agar mereka tunjukkan semangat keperwiraan dan taat setia yang tidak berbelah bagi itu pada setiap masa. Mereka hendaklah berwaspada akan ancaman yang merosakkan ketenteraman dan kedaulatan negara. Mereka mestilah sentiasa bersiap sedia untuk mematahkan dan memusnahkan ancaman itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.